

Punca sebenar fidofilia masih belum diketahui

KUALA LUMPUR 16 Mac – Punca sebenar fidofilia masih belum diketahui walau pelbagai kajian telah dilakukan.

Berbagai-macam pandangan diberi kepada punca berlakunya fidofilia atau salah laku seks terhadap kanak-kanak ini.

Ia termasuk kajian psikologi yang mendapati pengalaman penganiayaan seks masa lampau seseorang itu yang mendorongnya menganiaya kanak-kanak lain pula setelah dirinya dewasa.



SAPORA SIPON

Menurut Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Sapora Sipon, apa yang dimaksudkan ialah kanak-kanak yang dianiaya semasa kecil akan membesar dengan menganiaya kanak-kanak lain pula.

“Kajian mendapati, profil penjenayah biasanya berkait rapat dengan pengalamannya semasa kecil. Dalam erti kata lain, penjenayah pernah menjadi mangsa jenayah.

“Bagaimanapun, mangsa fidofilia yang tidak dibantu atau dirawat dari segi mental, emosi dan fizikal akan mendorongnya untuk ‘membalas dendam’ terhadap orang lain,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pesalah fidofilia memiliki emosi dan mental yang ‘sakit’ dan mahu mangsanya berkongsi merasai kesakitan dan penderitaan yang dialaminya.

Bagaimanapun, kata Dr. Sapora, ada juga pengkaji yang mengaitkan fidofilia dengan struktur dan fungsi otak.

“Contohnya, ahli seksologi Kanada, James Cantor, Ray Blanchard dan rakan-rakan pada 2004 mendapati lelaki fidofilia mempunyai daya kecergasan fikiran yang lebih rendah.

“Kajian mendapati, lelaki fidofilia sering mendapat markah yang rendah dalam ujian menguji ingatan. Keadaan ini berlaku akibat kecederaan di bahagian kepala semasa kecil yang menyebabkan dirinya hilang ingatan pada waktu tertentu,” katanya.

Beliau berkata, selain itu, ada juga yang mengaitkannya dengan genetik, kecelaruan personaliti dan masalah penyalahgunaan dadah.

Dr. Sapora menambah, terdapat kes pelaku fidofilia merasa dirinya tidak berkemampuan untuk melakukan hubungan seks secara normal. Disebabkan itu, jalan yang terbaik bagi dirinya ialah melakukan hubungan seksual dengan kanak-kanak.